



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "ZAKAT HARTA DAN TUNTUTANNYA"

19 Ogos 2022 / 21 Muharram 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>١</sup> الْقَائِلِ:

﴿ خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطْهِرُهُمْ وَتُرْكِّبُهُمْ بِهَا وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<sup>٢</sup> إِنَّ صَلَوةَكَ سَكْنٌ لَهُمْ وَأَللَّهُ أَعْلَمُ ﴾

(Surah At-Taubah ayat 103)<sup>٣</sup>

سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣﴾

Bermaksud: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٤</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk; "ZAKAT HARTA DAN TUNTUTANNYA".

Zakat bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada harta apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan syarak, untuk diberikan kepada pihak (asnaf) yang berhak menerimanya. Menunaikan zakat adalah salah satu daripada lima Rukun Islam. Kewajipan berzakat digandingkan dengan fardu bersolat, sebagai isyarat tuntutan menjaga hubungan dengan Allah (جَلَّ مِنَ النَّاسِ) melalui solat, dan menjaga hubungan sesama manusia melalui zakat.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Manusia dikurniakan rezeki secara berbeza dan tidak sama. Ada yang diberikan kemewahan dan keselesaan hidup, ada pula yang hidup dalam kemiskinan dan penderitaan. Kerana itu terdapat insan-insan yang berada dalam kesusahan yang wajib diberikan bantuan. Wabak Covid-19 yang melanda dunia telah menjelaskan kehidupan pelbagai pihak berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diperkenalkan. Ramai orang yang terjejas rezeki kerana kehilangan sumber pendapatan dan sumber pencarian.

Institusi-institusi zakat di negara ini telah mengambil langkah membantu rakyat yang terjejas. Institusi zakat menjadi antara badan yang berada di barisan hadapan, bergerak membantu dan menyantuni rakyat yang terjejas semasa rakyat perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan. Institusi-institusi zakat di seluruh negara telah menyalurkan hampir 200 juta ringgit bantuan kepada asnaf dan golongan yang terkesan akibat pandemik wabak Covid-19. Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) berperanan aktif mengagihkan zakat mencecah 20 juta ringgit khusus kepada mereka yang terdesak dan sangat memerlukan bantuan.

Ketika ini Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah mewujudkan pelbagai jenis bantuan, merangkumi bantuan bulanan untuk menampung kehidupan, bantuan kecemasan, serta bantuan-bantuan rumah, persekolahan, pendidikan, dan rawatan perubatan.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Hakikatnya, wang zakat yang diagihkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak kepada asnaf yang berhak, datangnya daripada kutipan zakat harta, iaitu zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat tanaman, zakat pelaburan, zakat KWSP dan lain-lain lagi. Pada tahun 2021, 95% atau 187 juta kutipan zakat di negeri Perak datangnya daripada zakat harta, hanya 5% atau 10 juta ringgit hasil kutipan daripada zakat fitrah.

Pada masa ini, daripada empat ratus ribu orang Islam di negeri Perak yang berada dalam kategori yang berkeupayaan membayar zakat harta, hanya lapan puluh ribu orang atau 20% sahaja yang membayar zakat harta mereka di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Keadaan ini menunjukkan kesedaran dan pengetahuan tentang kewajipan membayar zakat harta masih rendah dalam kalangan rakyat.

Angka kutipan dan bayaran zakat boleh dianggap sebagai petunjuk pencapaian ekonomi umat Islam. Semakin tinggi tahap pendapatan masyarakat Muslim dalam sesbuah negara, sepatutnya semakin banyak hasil kutipan zakat diperoleh untuk diagih dan dimanfaatkan kepada ahli masyarakat yang memerlukan. Namun, keseimbangan agihan nikmat sukar dicapai, semata-mata dengan berlakunya peningkatan pendapatan, jika tidak adanya



kesedaran dalam kalangan umat Islam mahu menunaikan zakat harta. Jika bilangan pembayar zakat berjaya ditambah, dan jumlah kutipan berjaya ditingkatkan, lebih banyak agihan kepada asnaf akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, usaha perlu ditingkatkan untuk menyedarkan lebih ramai ummah bersedia beramal menginfakkan kepada golongan yang memerlukan, bertepatan dengan peringatan Allah SWT melalui firman-Nya;

﴿ وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا أَلَّا يَرَدِّي رِزْقَهُمْ عَلَىٰ مَا مَلَكُوكُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَيْنَعَمَةُ اللَّهِ يَحْكُمُونَ ﴾ ٧١

Bermaksud: Dan Allah telah melebihkan sebahagian daripada kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya. Dalam pada itu, orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberi sebahagian daripada kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya mereka dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu?

(Surah An-Nahl, ayat 71)

Mimbar ingin mengutarakan beberapa perkara untuk diambil perhatian:

**Pertama:** Jadikan amalan berzakat sebagai budaya hidup. Zakat merupakan rukun Islam yang bermatlamat mewujudkan keseimbangan sosial, melalui kutipan sebahagian harta daripada golongan yang berkemampuan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

**Kedua:** Allah menjanjikan kepada hamba-hamba-Nya yang menunaikan zakat dan membelanjakan harta untuk tujuan kemaslahatan akan digantikan dengan nikmat yang lebih baik di dunia dan di akhirat. Firman-Nya:

﴿ قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَسُوتُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴾ ٣٩

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhan ku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".

(Surah Saba ayat 39)



**Ketiga:** Al-Quran mengingatkan golongan yang menyimpan hartanya dan tidak mahu membelanjakannya di jalan Allah dengan seksaan yang amat pedih di akhirat kelak .

**Keempat:** Umat Islam yang layak membayar cukai pendapatan amat dituntut menunaikan zakat pendapatan. Dalam kalangan yang berpendapatan tetap, gunakan kemudahan menunaikan zakat melalui potongan gaji berjadual.

**Kelima:** Jumlah zakat yang dibayar, layak mendapat rebat (atau potongan) penuh atas cukai pendapatan yang dikenakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيَّدَهُ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>6</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>٩</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَلَقْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَبَّعُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rahman! Ya Rahim!** bukakan pintu hati ummah akan keinsafan muhū menunaikan zakat yang merupakan salah satu Rukun Islam yang diwajibkan.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufturan dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Malikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Riduan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ  
عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطُكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin